

Sufri LPU baharu UTHM

PENGARAH Urusan Kumpulan, TRC Synergy Berhad, **Tan Sri Sufri Mohd. Zin** dilantik secara rasmi sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang baharu berkuat kuasa 16 April lalu sehingga 15 April 2021.

Pelantikan Sufri itu bagi menggantikan Tan Sri Ir. Dr. Jamilus Md. Hussin yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan pada 15 April lalu.

Sufri yang merupakan siswazah Sarjana Undang-Undang Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pernah memegang jawatan sebagai Ahli LPU



SUFRI MOHD. ZIN

UTHM (Wakil Swasta) selama tiga penggal bermula 20 Mac 2011 sehingga 30 April 2018.

Sepanjang menjadi ahli LPU, anak kelahiran Jeram, Selangor merupakan seorang yang aktif menabur bakti dalam Jawatankuasa Pembangunan dan Perancangan Fizikal serta endowmen UTHM.

Sementara itu Naib Canselor UTHM, Prof. TS. **Dr. Wahid Razzaly** merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas pelantikan Sufri.

“Saya berharap pelantikan Sufri mampu menyumbang dan membawa UTHM ke arah pencapaian kemajuan akademik dan organisasi yang lebih cemerlang.

“Kami juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tan Sri Ir. Dr. Jamilus Md. Hussin yang juga Pengerusi KLIA Premier Holdings Sdn. Bhd. atas khidmat bakti selama sembilan tahun bersama UTHM,” katanya.